

**SEJARAH PENGLIBATAN UTHMANIYYAH DALAM
PERANG DUNIA PERTAMA PADA TAHUN 1914
HINGGA 1918**



MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH PENGLIBATAN UTHMANIYYAH DALAM
PERANG DUNIA PERTAMA PADA TAHUN 1914
HINGGA 1918**

MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH PENGLIBATAN UTHMANIYYAH DALAM PERANG DUNIA PERTAMA PADA TAHUN 1914 HINGGA 1918**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Imiah ini disimpan di Perpustakaan Univesiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti yang berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD




MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM
BA19110543

Tarikh : (Diserahkan kepada PPPS)

Disahkan Oleh,

 **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Basley Bee N. Basrah Bee)

Penyelia

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM

BA19110543





UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM**
NO. KAD PELAJAR : **BA19110543**
TAJUK : **SEJARAH PENGLIBATAN UTHMANIYYAH DALAM
PERANG DUNIA PERTAMA PADA TAHUN 1914
HINGGA 1918**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN**
BIDANG : **SEJARAH**
TARIKH VIVA : **2022**

Disahkan oleh;

  Tandatangani
1. PENYELIA UTAMA
Dr. Basley Bee N. Basrah Bee _____
2. PENYELIA BERSAMA
() _____

PENGHARGAAN

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang maha kuasa, maha bijaksana, maha pemberi rezeki dan maha memberi kekuatan, ketabahan dan kesabaran kepada saya untuk menyelesaikan penulisan ilmiah ini. Penulisan ilmiah kali ini mempunyai cabaran yang besar kepada saya dalam menyelesaikan beberapa isu berkenaan tajuk yang dikaji. Bukan itu sahaja, sepanjang saya menyelesaikan tugas ini terdapat beberapa pengalaman baharu iaitu dari segi penulisan, tepati waktu, pencarian rujukan dan menyiapkan tugas dalam lembar yang banyak. Oleh hal demikian, ini adalah satu pencapaian bagi saya dalam menyelesaikan sebuah isu dan membuatnya dalam bentuk ilmiah (tesis).

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Basley Bee N. Basrah Bee selaku penyelia saya sepanjang penulisan ilmiah (tesis) ini dilaksanakan. Segala pengorbanan beliau dari segi masa, tunjuk ajar, pemberian contoh penulisan dan terutamanya dari segi teguran dan nasihat yang beliau lontarkan kepada saya dalam kehidupan, khususnya tentang kejayaan yang akan dikecapi demi masa depan yang cerah. Beliau juga telah menjadi sumber tauladan saya dalam memantapkan pengalaman sepanjang bersama beliau untuk menyelesaikan tugas ini. Segala penat lelah beliau akan saya kenang sampai bila-bila.

Demikian juga, kedua ibu bapa saya yang bertungkus lumus memberikan sokongan kepada saya dari segi nasihat, dorongan, mendoakan dan kewangan selama saya melaksanakan penulisan ilmiah ini. Mereka menjadi sumber untuk saya lebih semangat dalam melaksanakan kerja ini. Tambahan juga, ribuan terima kasih kepada adik beradik saya dan ahli keluarga saya yang secara tidak langsung membantu dalam memberi semangat kepada saya untuk menyelesaikan tesis walaupun mempunyai banyak cabaran dalam melaksanakannya.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih ikhlas daripada hati kepada rakan-rakan seperjuangan saya dalam bersama-sama melaksanakan dan bantu-membantu untuk menyelesaikan tesis ini, terutama rakan sebilik saya yang sanggup bertahan berada di Kampus sedikit lama iaitu Mad Esah dan Hanif Azmizal. Mereka membantu saya, menasihati saya dan bersama-sama berkongsi pendapat berkenaan isu yang saya kaji sehingga memudahkan saya mendapat idea untuk menjawab persoalan dan objektif kajian saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dengan hati yang terbuka kepada semua yang terlobat dalam mendukung saya untuk menjayakan penulisan ilmiah ini sama ada secara langsung dan tidak langsung. Jasa baik kalian tidak mudah untuk terbalas, namun *in sha Allah* dengan kekuasaan tuhan, suatu hari nanti jaga baik kalian akan terbalas setimpal dan mungkin lagi lebih dan saya berharap agar segala urusan mereka dilancarkan dan diberikan rezeki yang melimpah ruah sama ada diri dan keluarga anda. Sekain, terima kasih.

MOHAMMAD AGLAB BIN HASHIM
02 OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGAKUAN	I
PENGESAHAN	II
PENGHARGAAN	III
ISI KANDUNGAN	IV
SENARAI GAMBAR RAJAH	VI
ABSTRAK	VII
ABSTRACT	VIII
BAB 1 :PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Sorotan Literatur Kajian	5
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Kaedah Kajian	12
1.8 Pembahagian Kajian	13
1.9 Kesimpulan	13
BAB 2 : PENGLIBATAN TURKI UTHMANIYYAH DALAM PERANG DUNIA PERTAMA (1914-1918)	
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Latar Belakang Turki Uthmaniyyah dan Pemerintahnya	18
2.3 Kejatuhan Turki Uthmaniyyah	21
2.3.1 Kelemahan Pemerintah	22
2.3.2 Kelemahan dalam Sistem Pentadbiran dan Ekonomi	24
2.3.3 Kelemahan Sistem Ketenteraan	25
2.3.4 Proses Tanzimat Yang Tidak Relevan	26
2.3.5 Penyelewengan Terhadap agama Islam dan Keruntuhan Akhlak	29
2.4 Faktor-Faktor Keterlibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918)	31
2.4.1 Permusuhan Turki Uthmaniyyah dengan Rusia	31
2.4.2 Hubungan Turki Uthmaniyyah dengan Jerman	37
2.4.3 Pan-Turanisme	38
2.4.4 Kemunculan Gerakan Turki Muda	40
2.4.5 Keinginan Penguasaan Wilayah yang dirampas/ Hilang	43
2.5 Kesimpulan	45

BAB 3: KEJAYAAN DAN KEGAGALAN YANG DICAPAI OLEH TURKI UTHMANIYYAH DALAM PERANG DUNIA PERTAMA (1914-1918)

3.1	Pendahuluan	46
3.2	Turki Uthmaniyyah Dalam Perang Dunia Pertama	48
3.3	Kejayaan Yang Dicapai Oleh Turki Uthmaniyyah Dalam Perang Dunia Pertama	55
	3.3.1 Hubungan Diplomatik Dengan Negara Luar	55
	3.3.2 Kebangkitan Politik Jihad dalam kalangan tentera dan Masyarakat Turki Uthmaniyyah	58
	3.3.3 Peningkatan Teknologi Peperangan	60
3.4	Kegagalan Yang Diperolehi Dalam Perang Dunia Pertama	63
	3.4.1 Pembebasan Wilayah dibawah Taklukan Turki Uthmaniyyah	63
	3.4.2 Terbentuknya Gerakan "al-Thawrah al-Arabiyyah al-Kubra" di Arab	65
	3.4.3 Termeterainya Perjanjian Sykes-Picot	66
	3.4.4 Kelemahan Kententeraan Turki Uthmaniyyah	67
	3.4.5 Hutang yang Tidak dapat dilangsaikan	68
3.6	Kesimpulan	69

BAB 4: KESAN TERHADAP TURKI UTHMANIYYAH SELEPAS PERANG DUNIA PERTAMA

4.1	Pendahuluan	70
4.2	Situasi Dunia Selepas Perang Dunia Pertama	72
4.3	Keadaan Turki Selepas Perang Dunia Pertama	73
4.4	Kesan-Kesan Terhadap Turki Selepas Perang	75
	4.4.1 Perubahan Corak Pemerintahan oleh Kemal Ataturk	75
	4.4.2 Turki Uthmaniyyah Menjadi Sebuah Negara Sekular	78
	4.4.3 Perubahan Sosial	80
	4.4.4 Kemunculan Ulama Bediuzzaman Said Nursi	84
4.5	Kesimpulan	86

BAB 5: RUMUSAN

RUJUKAN	93
----------------	-----------

SENARAI GAMBAR

Rajah 1 : Penaklukan Uthmaniyah abad ke14 hingga 17	19
Rajah 2: Sultan Murad V (1876)	24
Rajah 3: Gerakan Turki Muda	42
Rajah 4: Kapal Goeben dan Breslau	62




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada sejarah keterlibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918. Permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini adalah berkenaan penglibatan Empayar Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama yang memberi kesan yang mendalam kepada sejarah Turki dan Islam. Oleh hal demikian, objektif utama dalam melaksanakan kajian ini adalah mengkaji keterlibatan empayar/Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama, membincangkan kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918 dan menilai kesan terhadap Turki Uthmaniyyah selepas Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914 hingga 1918. Kaedah kajian yang digunakan adalah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang bersumberkan daripada buku, artikel, makalah, dan internet. Dapatan kajian menunjukkan keadaan Turki Uthmaniyyah yang memaksakan mereka terlibat dalam perang ini dan membuat pakatan bersama Kuasa Pusat yang terdiri daripada Jerman, Austria-Hungary dan Uthmaniyyah dan menentang Pakatan Pihak Bersekutu yang terdiri daripada Rusia, Britain dan Perancis. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kejayaan dan kegagalan Uthmaniyyah dalam membantu pihak Kuasa Pusat untuk menang dan mendapat habuannya, namun kemenangan dalam Perang Dunia Pertama berpihak kepada Pihak Bersekutu. Hal ini memberi kesan yang sangat mendalam kepada pihak yang kalah, terutama Turki Uthmaniyyah yang terkena impak yang mendalam daripada pelbagai aspek seperti pemerintahan, politik, ekonomi dan sosial.

Kata Kunci: Turki Uthmaniyyah, Penglibatan, Kegagalan, Kejayaan, Kesan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HISTORY OF UTHMANIYYAH'S INVOLVEMENT IN THE FIRST WORLD WAR FROM 1914 TO 1918

This study focuses on the history of Ottoman Turkey's involvement in the First World War from 1914 to 1918. The research problem underlying this research is about the involvement of the Ottoman Empire in the First World War which had a profound effect on the history of Turkey and Islam. Therefore, the main objective in carrying out this study is to examine the involvement of the Ottoman Empire/Turkey in the First World War, discuss the successes and failures achieved by the Ottoman Turkey in the First World War from 1914 to 1918 and evaluate the impact on the Ottoman Turkey after the First World War which took place in 1914 to 1918. The research method used is a fully qualitative method sourced from books, articles, papers, and the internet. The findings of the study show the condition of the Ottoman Turks that forced them to get involved in this war and make an alliance with the Central Powers consisting of Germany, Austria-Hungary and the Ottomans and against the Allied Alliance consisting of Russia, Britain and France. In addition, the findings of the study also show the success and failure of the Ottomans in helping the Central Powers to win and get their rewards, but the victory in the First World War was on the side of the Allies. This had a very deep impact on the losers, especially the Ottoman Turks who were deeply affected by various aspects such as government, politics, economy and social.

Keywords: Ottoman Turkey, Involvement, Failure, Success, Impact



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Empayar Uthmaniyah merupakan salah satu empayar yang terlibat dalam perang dunia pertama pada 1914 hingga 1918. Empayar Uthmaniyah mengambil ahli dalam perang ini disebabkan ingin mengekalkan kedudukannya sebagai empayar yang terbesar dan ingin mengambil kesemua wilayahnya kembali daripada dirampas atau diduduki oleh pihak barat terutamanya tentera British. Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918 berlaku di antara kuasa-kuasa besar dan terbahagi kepada dua pakatan iaitu Kuasa Bersekutu dan Kuasa Pusat. Kuasa Bersekutu terdiri daripada British, Itali, Perancis dan Rusia yang diketuai oleh British. Manakala Kuasa Pusat pula yang diketuai oleh Jerman adalah Austria-Hungary, dan Empayar Uthmaniyah.¹ Pembentukan dua pakatan ini mempunyai kaitan dengan Sistem Pakatan Eropah yang terlahir selepas peperangan di antara Jerman dan Perancis pada 1870 yang memberi kesan kepada pembahagian Eropah kepada dua buah blok iaitu Jerman, Austria-Hungary dan Itali yang dikenali sebagai *Triple Alliance* dan blok yang lagi satu adalah Rusia, British dan Perancis sebagai *Triple Entente* dan seterusnya disertai Itali pada 1907.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah merupakan kerajaan ataupun empayar agung yang mampu bertahan selama 600 tahun. Empayar ini bermula pada abad ke -13 sehingga jatuh pada abad ke-19 iaitu pada Perang Dunia Pertama di kawasan barat laut Anatolia.² Dalam pemerintahan ini, undang-undang syariah dan pemerintahan Islam telah diamalkan dan dikuatkuasakan sepenuhnya dalam empayar. Kerajaan

¹ Ermy Azziaty Rozali, Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour Dan Kesannya Terhadap Palestin, *International Journal of West Asian Studies*, 3(2), 2011, hlm. 21.

² Othman, S. N., Walter, A. S., & Jasmi, K. A, *Zaman kegemilangan Islam in Prosiding Seminar Tamadun 2012 at Marbawy Hall*, Faculty of Islamic Civilization: Universiti Teknologi Malaysia, 2012, hlm. 344.

Tukri Uthamniyah diasaskan oleh Ertugrul Beg iaitu dari suku kaum Kayu, Ogus Turki. Kerajaan ini adalah sebuah kerajaan Islam yang kuat pada abad ke-14. Kerajaan ini mencapai kemuncak pada abad ke 15 dan ke 16. Kerajaan ini memiliki keistimewaan yang tersendiri seperti pemimpin yang hebat dengan ajaran Al-Quran dan Sunnah yang diwariskan oleh Nabi Muhammad S.A.W.. Bukan itu sahaja, kerajaan ini juga dapat membuat jajahan taklukannya bukan sahaja meliputi benua Asia dan Afrika, malah dapat menjajah benua Eropah khususnya di bahagian Eropah Timur yang meliputi wilayah Balkan sehingga Romania, Bulgaria dan Hungary.³ Kerajaan ini berpusat di Istanbul yang asalnya merupakan ibu kota empayer Rom Timur dan Byzantine setelah ditakluki oleh Mehmed II pada tahun 1453.

Melihat kejadian dan latar belakang Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914 sehingga tahun 1918 yang bermula apabila wujudnya gerakan nasionalisme, konflik di Balkan dan perang Crimea menjadi tonggak kepada berlakunya perang besar-besaran. Wilayah Balkan yang diduduki oleh pelbagai bangsa seperti Greek, Serbia, Romania, Serbia dan Slavia mendesak kuasa autonomi daripada pemerintahan Uthmaniyah. Perang ini berlaku mempunyai banyak pandangan yang berbeza. Misalnya, pandangan Abu Talib Ahmad dan Saleha Hj. Hassan mengatakan bahawa faktor berlakunya Perang Dunia Pertama disebabkan menyalahkan Jerman dan sekutunya termasuk Uthmaniyah meletakkan tanggungjawab secara relatif kepada Serbia, Perancis, Rusia dan kuasa lain.⁴ Jika dirumuskan boleh dilihat terdapat lima faktor yang membawa kepada peperangan iaitu sistem pakatan, semangat nasionalisme, ketenteraan, imperialisme dalam ekonomi, aspek ketenteraan dan perkembangan industri surat khabar.⁵

Penglibatan empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama bermula apabila Jerman membuat tawaran agar menyertai Pakatan Kuasa Pusat (Triple

³ Abu Hanifah Haris, History of the Ottoman Empire and Its Contributions in Sociopolitical Aspects from 14th Century Until 20th Century, *Journal of Al- Tamaddun*, 15 (1), 2020, hlm. 86

⁴ Abu Talib Ahmad & Saleha Hj. Hassan, *Pergolakan Dunia dan Kerjasama Masyarakat Antarabangsa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 27.

⁵ Fay. S.B., *Before Sarajevo The Origins of First World War*, New York: Fress, 1966, hlm. 45.

Alliance) untuk menentang Kuasa Bersekutu (Triple Entente). Uthmaniyah telah menandatangani perjanjian dengan Jerman pada 2 Ogos 1914 dengan menyatakan persetujuan untuk membantu Jerman dalam Perang Dunia Pertama sekiranya bantuan Austria dan Serbia dalam keadaan Krisis. Bukan itu sahaja, Jerman mendesak atau memaksa agar Empayar Uthmaniyah menyertai perang secara rasmi untuk menentang British di Terusan Suez serta Rusia di Odessa. Walaubagaimanapun, Empayar Uthmaniyah masih tetap dengan pendirian mereka iaitu mengambil sikap berkecuali sejak tercetusnya Perang Dunia Pertama pada 1914. Namun dengan anggaran Jerman, Uthmaniyah turut serta dengan pelawaan dan janji manis daripada Jerman. Pada akhirnya, Perang Dunia Pertama yang tamat pada tahun 1918 mengakibatkan kekalahan pihak Kuasa Pusat sehingga mengakibatkan wilayah-wilayah yang dikuasai oleh Empayar Uthmaniyah termasuk wilayah yang didiami bangsa Arab terpaksa diserahkan melalui perjanjian-perjanjian yang dipersetujui.⁶

Kekalahan Kuasa Pusat dalam Perang Dunia Pertama telah mengakibatkan impak yang mendalam terutama kepada Empayar Uthmaniyyah. Kekalahan ini menyebabkan berlakunya pergolakan, reformasi dan kehilangan wilayah Pihak Kuasa Pusat yang diberikan kepada Pihak Bersekutu. Hal ini menjadi sebuah keuntungan kepada blok Bersekutu kerana mampu menyebarkan dan meluaskan wilayah mereka agar dapat memperkukuhkan lagi mereka sebagai kuasa Besar. Uthmaniyyah ketika itu berakhir dengan sejarah kelam yang di ingat dalam sejarah Islam. Selepas mengalami kekalahan bersamaan struktur pemerintahan yang sukar di kawal akhirnya Empayar Uthmaniyyah diturunkan ataupun disingkirkan dan digantikan kepada sebuah negara republik yang dipimpin oleh Presiden Pertama Turki kerajaan baruu iaitu Kemal Artaturk seorang bekas Jeneral tentera yang berideolgi sekularisme. Pemerintahan yang beliau corak adalah sebuah negara yang moden mengikut pembangunan Barat yang berasaskan Sekularisme iaitu memisahkan soal agama dan keduniaan. Kemal juga telah merealisasikan sekularisme dalam pemerintahannya agar Turki juga membangun seperti negara Eropah yang lain.

⁶ Ermy Azziaty Rozali, Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour Dan Kesannya Terhadap Palestin, *International Journal of West Asian Studies*, 3(2), 2011, hlm. 21-22.

Perubahan yang beliau lakukan telah menyebabkan perubahan yang pelagai tidak kira dari segi politik, ekonomi dan sosial. Malah corak pemerintahannya mendapat sokongan dari pelbagai pihak, namun ada juga pihak yang menentang kerana menyingkirkan nilai-nilai Islam yang di amalakan oleh Empayar Uthmaniyyah dahulu. Oleh hal demikian, keterlibatan Empayar Uthmaniyyah membawa kesan yang signifikan dalam sejarah Turki walaupun terdapat beberapa kejayaan, namun perubahan selepas Perang Dunia Pertama terhadap Uthmaniyyah memberi peringatan kepada negara besar yang lain bahawa sebesar manapun kekuatan yang dimiliki dahulunya akan jatuh ditangan orang yang tepat khususnya pemerintah yang bijak dan berwawasan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada tahun 1914 sehingga tahun 1918 berlakunya antara peperangan yang terbesar iaitu Perang Dunia Pertama yang disertai oleh dua blok pakatan yang berbeza iaitu Pakatan Kuasa Pusat yang dianggotai oleh Jerman, Austria-Hungary, dan Uthmaniyyah. Serta Pakatan Kuasa Bersekutu pula dianggotai oleh British, Rusia, Perancis dan Itali. Penglibatan Empayar Uthmaniyyah telah membawa kepada kesan yang buruk bukan sahaja daripada wilayahnya, malah soal dalaman dan luaran juga terkena dampak negatifnya apabila Pakatan Kuasa Pusat dikalahkan dalam Perang Dunia Pertama. Kekalahan yang memalukan ini menjadikan kuasa Uthmaniyyah tidak seperti zaman Uthmaniyyah yang menguasai dua per tiga wilayah dunia. Kekalahan ini juga mendorong kepada perubahan besar-besaran dari pelbagai aspek serta mewujudkan beberapa wilayah yang baru. Dalam hal tersebut menjadi tanda tanya bagaimana Turki Uthmaniyyah terlibat dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 sehingga tahun 1918.

Keterlibatan Turki Uthmaniyyah dalam peperangan ini telah menjadi sejarah yang tidak boleh dilupakan kerana empayar ini berdiri sendiri sehingga dapat menguasai dua per tiga dunia pada abad ke-15 hingga abad ke-16. Namun, penglibatan mereka dalam Perang Dunia Pertama mengakibatkan perubahan yang besar dalam pelbagai aspek tidak kira dari segi dalaman dan luaran. Walaupun mengalami kekalahan yang teruk, terdapat juga kejayaan yang dapat dilihat walaupun kegagalan yang lebih dominan yang diperlihatkan dalam konflik

kekalahan perang ini. Jadi, wujudnya persoalan apakah kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918.

Akibat dampak yang buruk dalam peperangan ini, segala sistem pemerintahan, hal dalam wilayah, gabenor-gabenor, ketenteraan dan banyak lagi telah mengalami kejatuhan dan ketidakstabilan berlaku. Bukan sahaja dari segi pemerintahan, perluasan dan ketenteraan, malah segi ekonomi juga dapat kesan yang teruk. Hal ini menjadi isu yang besar apabila Turki Uthmaniyyah berani mengambil bahagian dalam peperangan yang melibatkan Jerman. Oleh itu, wujudnya persoalan apakah kesan terhadap Turki Uthmaniyyah selepas Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914 hingga 1918.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif yang dijadikan sebagai kajian dalam penulisan ini iaitu yang pertama adalah mengkaji keterlibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918. Selain itu, membicarakan kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918. Objektif yang kedua adalah menilai kesan terhadap Turki Uthmaniyyah selepas Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914 hingga 1918. Ketiga-tiga objektif ini mendasari kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji untuk menghasilkan latihan ilmiah mengikut tempoh yang diberikan.

1.4 SOROTAN LITERATUR KAJIAN

a) Sorotan literatur bagi Tema 1: Mengkaji keterlibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918.

Tajuk ini dipilih berdasarkan tinjauan yang telah dibuat ke atas keterlibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918 yang mengubah Empayar itu sendiri. Pemerintahan Uthmaniyyah adalah antara kuasa yang pernah hampir menguasai separuh dunia sebelum zaman kejatuhannya pada abad ke 18. Keadaan Turki Uthmaniyyah sebelum bermula abad ke-20 masih lagi boleh dikawal walaupun ketika itu terjadinya kejatuhan. Kejatuhan ini adalah

disebabkan oleh pemerintah yang kurang bijak dalam membuat keputusan dan hanya menggunakan kuasanya mengikut kesesuaian dirinya tanpa memikirkan keadaan negaranya. Dalam hal itu, Keterlibatan Uthmaniyyah ini adalah salah satu petanda dimana perubahan pemerintahan ke atas Uthmaniyyah akibat daripada beberapa faktor yang menyebabkan Turki Uthmaniyyah terlibat untuk mengikuti perang besar-besaran ini.

Menurut Kamaruzaman Yusoff dalam artikel yang beliau karang iaitu, "Pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah di Mesir pada abad ke-17: Satu Analisis" yang menerangkan berkenaan penyebaran pemerintahan Uthmaniyyah sehingga mampu meletakkan Mesir di bawah jajahan dawlah Uthmaniyyah. Dalam artikel ini, beliau juga menerangkan hubungan antara Uthmaniyyah dan Mesir sejak seawal abad ke-15 M sehingga Mesir dikuasai oleh Uthmaniyyah pada tahun 922 H bersamaan 1517 M. Pada awalnya, terjadinya perselisihan antara kedua pihak berkenaan perebutan wilayah penampakan Dhu'l-Qadr, namun perselisihan ini mampu dikawal lagi. Namun, hubungan baik ini berubah apabila Uthmaniyyah dapat menguasai Mesir apabila Raja Mamluk mengubah polis kerajaannya. Penguasaan tersebut menyebabkan Uthmaniyyah menghantar Gabenor mereka ke Mesir untuk menjalankan pentadbiran.⁷

Selain itu, Abdul-Ramae Sulong dalam penulisan ilmiahnya yang bertajuk "Pemikiran Turki Uthmaniyyah Menurut Syeikh Wan Bin Muhammad Zain Al-Fatani dalam Buku Hadiqar al-Azhar wa al-Rayahin". Dalam kajiannya ini, beliau menerangkan berkenaan pemikiran Syeikh Wan Ahmad berkenaan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Sebenarnya Turki Uthmaniyyah ini telah wujud sejak 680 H yang ditubuhkan oleh Uthman bin Ertoghrol. Kajian ini menerangkan bagaimana empayar ini berkembang dan meluaskan pengaruhnya di setiap pelusuk oleh pemerintah-pemerintah Uthmaniyyah sebelum kejatuhannya. Terdapat 36 orang pemerintah semasa era empayar Uthmaniyyah selama 634 tahun. Namun, hanya beberapa sahaja pemerintah pada abad ke-15 dan 16 yang memperkembangkan empayar ini sehingga kuasa yang lain tunduk dengan kekuatan Uthmaniyyah

⁷ Kamaruzaman Yusoff, Pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah di Mesir pada abad ke-17 M: Satu Analisis, *Jurnal Sosiohumanika*, 4 (1), 2011, hlm. 13.

dahulunya. Jadi, dapat dilihat melalui kajian ini, Abdul-Ramae ingin menerangkan berkenaan latar belakang Uthmaniyyah secara menyeluruh.⁸

Seterusnya, Abu Hanifah dalam artikel nya yang bertajuk "*History of the Ottoman Empire and Its Contributions in Sociopolitical Aspects from 14th Century Until 20th Century*" di Journal of Al-Tamaddun yang menerangkan berkenaan sumbangg pemerintah-pemerintah Uthmaniyyah semasa pentdabiran meraka. Abu Hanifah menerangkan tentang sumbangaun setiap tokoh yang bermula pada abad ke-14 iaitu tahun 1300 shingga tahun 1924. Setiap Sultan yang memerintah mempunyai sumbangan yang besar seperti penubuhan Pasukan Jannisari oleh Sultan Murad V, penaklukan kota Konstantinopel oleh Sultan Abdul-Fateh, Sultan Orhan yang menguasai Prosusa (Bursa) di Anatolia, menawan kota Byzantine oleh Sultan Bayezid I dan banyak lagi Sultan yang mempunyai sumbangan besar kepada Uthmaniyyah.⁹

Dalam penulisan Mustafa Aksakal juga menerangkan berkenaan keterlibatan Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama iaitu bukunya berjudul "*The Ottoman Road to War in 1914 The Ottoman Empire and the First World War*" yang diterbitkan oleh Cambridge University Press pada tahun 2008. Dalam buku beliau, bagaimana sejarah perjalanan Uthmaniyyah sehingga dapat ikut dalam Perang ini, bermula daripada permusuhan, hubungan baik denganta negara luar dan hutang yang berlimpah menyebabkan Uthmaniyyah terpaksa untuk mengikuti Perang Dunia Pertama. Menurut Mustafa Aksakal juga, sebenarnya Uthmaniyyah mampu bersikap neutral iaitu tidak membuat sebarang sekepakatan. Namun, perjanjian sulit yang telah menyebabkan Uthmaniyyah membuat pakatan, bahkan pihak kerajaan ingin menawan semula wilayah mereka yang di tawan oleh pengaruh luar seperti Rusia dan British. Namun, semuanya berubah apabila pakatan Turki

⁸ Abdul-Ramae Sulong, *Pemikiran Turki Uthmaniyyah Menurut Syeikh Wan Bin Muhammad Zain Al-Fatani dalam Buku Hadiqar al-Azhar wa al-Rayahin*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2013, hlm. 2-16.

⁹ Abu Hanifah Haris, *History of the Ottoman Empire and Its Contributions in Sociopolitical Aspects from 14th Century Until 20th Century*, *Journal of Al-Tamaddun*, 15 (1), 2020, hlm. 86-93.

Uthmaniyyah kalah dan terpaksa membuat perjanjian seperti perjanjian Sykes-Picot.¹⁰

b) Membincangkan kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918.

Penglibatan Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama menunjukkan beberapa kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Empayar Uthmaniyyah selama musim perang. Menurut Luqman Al Hakim menerangkan berkenaan kejayaan yang dicapai oleh Uthmaniyyah dalam artikel yang beliau hasilkan yang bertajuk "*Politik Jihad Turki Utsmani Pada Perang Dunia Pertama* " dalam Jurnal Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Dalam artikel ini membahaskan mengenai politik jihad yang dilakukan oleh empayar ini pada Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918. Seruan jihad telah disebarkan ke seluruh Muslim Turki dan taklukannya unuk menangani musuh mereka dalam perang iaitu Blok Bersekutu. Hal ini memperlihatkan kekuatan Islam pada musuh mereka dan terdapat kejayaan dan kegagalan yang menyebabkan keruntuhan Uthmaniyyah sehingga terjadinya peralihan kuasa yang berasaskan sekularisme. Dalam artikel ini juga, Luqman membahaskan mengenai kesan daripada kegagalan kepada Uthmaniyyah semasa perang ini berlangsung seperti kehilangan wilayah, kelemahan ketenteraan. Dalam hal tersebut, Empayar Uthmaniyyah berharap sokongan wilayah taklukannya menyeruh kata jihad yang disampaikan kepada Umat Islam agar tidak jatuh dibawah jajahan negara Barat dan mendapat kembali wilayah jajahan mereka.¹¹

Selain itu, menerangkan bagaimana Uthmaniyyah gagal mempengaruhi wilayah dibawah jajahan mereka terutama di wilayah Timur Barat. Seperti dalam artikel yang bertajuk "*Tinjauan Literatur Peranan British Semasa Revolusi Arab (1916-1918)* " yang ditulis oleh Nurul Abrar Md. Isa dan Napisah Karimah Ismail yang diterbitkan oleh BITARA International Journal of Civilization at Studies and

¹⁰ Mustafa Aksakal, *The Ottoman Road to War in 1914 The Ottoman Empire and the First World War*, New York: Cambridge University Press, 2008, hlm. 188.

¹¹ Luqman Al Hakim, Politik Jihad Turki Utsmani Pada Perang Dunia Pertama, *Jurnal Rihlah*, 9 (1), 2021, hlm. 59-62.

Human Sciences. Dalam artikel ini merangkan berkenaan pemisahan Hijaz daripada naungan Uthmaniyyah selama 400 sehingga memberi kesan yang mendalam kepada dunia Islam serta merupakan titik berlakunya Revolusi Arab selama 2 tahun iaitu semasa Perang Dunia berlangsung pada tahun 1916 hingga 1918. Artikel ini sahaja menerangkan mengenai isu Hijaz, namun memberi penerangan yang lanjut berkenaan Revolusi Arab yang terpengaruh oleh pengaruh British. Artikel ini juga menjelaskan Sejarah berkenaan keadaan orang Arab dibawah taklukan Uthmaniyyah, pengaruh Syarif Husain dan British khususnya di wilayah Mesir. Revolusi Arab yang tercetus menyebabkan kemerdekaan wilayah Hijaz dan revolusi ini di dukung oleh British yang menjanjikan sesuatu kepada masyarakat Arab sehingga menjadikan wilayah ini dibawah jajahan British selepas Perang Dunia Pertama.¹²

Seterusnya, dalam penulisan Matthew Penix yang bertajuk "*The Ottoman Empire in World War I: A Rational Disaster*" yang menerangkan Kemasukan Empayar Uthmaniyyah ke dalam Perang Dunia Pertama pada Oktober 1914 dan banyak kuasa luar yang menceroboh wilayah jajahan Uthmaniyyah di Timur Tengah. Artikel ini juga menerangkan kenapa Uthmaniyyah mengikuti perang ini walaupun dalam kondisi yang melemah dan sistem ketenteraan yang tidak menentu serta kekurangan alat tempur. Bukan itu sahaja, bagaimana hubungan yang dibuat oleh Uthmaniyyah menjadi kesalahan yang besar sehingga mendapat impak dalaman dan luaran semasa Perang Dunia Pertama. Jadi, dapat merumuskan bahawa Empayar Uthmaniyyah memasuki perang atas syarat yang ditentukan oleh Istanbul dan berbuat demikian hanya kerana Britain, Perancis, dan Rusia menjalankan dasar permusuhan aktif terhadap kepentingan Uthmaniyyah dan menginginkan wilayah dibawah taklukan Uthmaniyyah.¹³

¹² Nurul Abrar Md. Isa & Napisah Karimah Ismail, Tinjauan Literatur Peranan British Semasa Revolusi Arab (1916-1918), *BITARA International Journal of Civilizational al Studies and Human Sceinces*, 3(3), 2020, hlm. 97-100.

¹³ Matthew Penix, *The Ottoman Empire in World War I: A Rational Disaster*, Ypsilanti: Eastern Michigan University, 2013, hlm. iv.

c) **Menilai kesan terhadap Turki Uthmaniyyah selepas Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914 hingga 1918.**

Perang Dunia Pertama pada 1914 hingga 1918 menunjukkan kemenangan kepada pihak Bersekutu, sekaligus memberi kesan kepada pihak Kuasa Pusat yang kalah terutama empayar Uthmaniyyah. Menurut Muhammad Khalis dan Mohd Roslan dalam artikel mereka yang bertajuk "*Sekularisasi Dalam Perundangan Turki dan Kesannya Terhadap Masyarakat* " menerangkan berkenaan pengisytiharan Turki sebagai sebuah negara Republik oleh Mustafa Artatuk telah membuka laluan sekularisme dan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat. Dalam artikel ini juga, proses sekularisasi telah menyebabkan perubahan menyeluruh kepada negara ini sehingga perwatakan masyarakat berubah kerana diberikan kebebasan. Dalam hal demikian, impak dari kekalahan perang menjadikan Turki sebagai sebuah negara sekular yang menyingkirkan nilai islam secara perlahan-lahan.¹⁴

Selain itu, menurut Abu Hanifah dan Redzuan dalam penulisan mereka dalam Jurnal Sejarah yang bertajuk "*Kemal Ataturk dan Pembaharuan di Turki: Polemik dalam Akhbar dan Majalah Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an* " menerangkan pengaruh pemerintahan Kemal Ataturk menjadi sebab negara lain tidak ingin jatuh dari jajahan asing. Dalam artikel ini, penulis menjelaskan kebangkitan Kemal Ataturk sebagai Presiden Republik Turki pada tahun 1924 yang disegani dan dianggap pemimpin politik yang hebat. Dalam artikel ini juga menerangkan segala undang-undang yang dilakukan oleh Kemal adalah untuk mensekularkan negara dan masyarakat Turki. Jadi jelaslah bahawa buku ini berkait dengan kesan perubahan pentadbiran dan sosial di Turki sekaligus menerangkan kesan kepada negara lain agar tidak berlaku dalam pentadbiran mereka.¹⁵

Seterusnya, berkenaan kesan kewujudan golongan ulama yang menentang perubahan sekular di Turki selepas Perang Dunia Pertama. Hal ini boleh diterangkan melalui penulisan Edi Amin dalam artikelnya yang berjudul "*Pemikiran*

¹⁴ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor, *Secularization in Turkish Legislation and its Impacts on Society*, *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 28, 2018. hlm. 154-160.

¹⁵ Abu Hanifah Haris Mohammad Redzuan Othman, *Kemal Artaturk dan Pembaharuan di Turki: Polemik Dalam Akhbar dan Majalah Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an*, *Jurnal Sejarah*, 2017, hlm. 107-117.

Dakwah Bediuzzaman Said Nursi ". Penulis menulis berkenaan perjuangan Said Nursi dalam menegakkan nilai-nilai murni Islam dalam pemerintahan Republik Turki baharu. Perjuangan beliau melalui penyebaran karya seperti An-Nur telah membangkitkan semangat masyarakat Turki yang leka dengan kebebasan sekular Turki. Dalam hal demikian, perjuangan ini memberi kesan secara perlahan walaupun Said Nursi telah dikehendaki oleh pemerintah, namun penyebaran oleh murid dan orang ramai telah membantu perjuangan karya an-Nur yang beliau hasilkan.¹⁶

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini akan tertumpu kepada skop bidang sejarah iaitu penglibatan Turki Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama yang mengakibatkan kesan yang baik dan kesan yang buruk semasa peperangan dan selepas perang dunia pada tahun 1914 hingga 1918. Dalam skop kajian ini meliputi aspek mengapa Turki Uthmaniyah terlibat dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918. Selain itu, dalam skop kajian ini juga menerangkan kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyah setelah mengikuti peperangan ini. Wujudnya kesan-kesan yang terpaksa dihadapi oleh Turki Uthmaniyyah selepas Perang Dunia Pertama juga merupakan skop yang dibuat oleh pengkaji. Skop tahun yang ditentukan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah dari tahun 1914 hingga 1918, dan untuk skop tempat yang ditentukan oleh pengkaji adalah memfokuskan kejadian di negara Turki.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian yang pengkaj jalankan terdapat beberapa kelebihan dalam kajian ini. Terutama berkaitan keterlibatan Turki Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama yang mengakibatkan perubahan yang besar dalam empayar yang besar ini. Kajian ini juga penting bagi melihat bagaimana perjalanan Turki Uthmaniyah termasuk dalam konflik peperangan yang besar. Dalam hal itu, pengkaji dapat lihat sejak bila empayar ini mengalami kejatuhan sehingga sistem Khalifah yang di amalkan telah dimansuhkan apabila Kemal Ataturk memegang jawatan tertinggi pemerintahan di

¹⁶ Edi Amin, *Pemikiran Dakwah Bediuzzaman Said Nursi*, *Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan: University Syarif Hidayatullah Jakarta*, 22 (2), 2018, hlm. 139-145.

Turki setelah tamatnya Perang Dunia Pertama dan menjatuhkan institusi Khalifa yang diamalkan sejak abad ke-13.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan seperti dapat mengetahui kejayaan dan kegagalan yang terhasil daripada dampak Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 sehingga 1918. Walaupun mengalami kekalahan yang besar, namun terlihat juga kemajuan yang ada soalnya dari segi ekonomi, kemajuan bandar-bandar dan banyak lagi. Dalam hal itu, dapat dilihat juga kepentingan yang lain seperti kesan-kesan kepada Turki Uthmaniyah dari pelbagai aspek iaitu aspek pemerintahan, sosial, kewilayahan, ekonomi dan institusi pendidikan.

Dalam kajian ini, diharapkan kepada pengkaji lain untuk merungkaikan beberapa topik berkaitan dengan penglibatan Turki Uthmaniyah dalam tawaran Jerman untuk mengikuti Perang Dunia Pertama yang berlangsung pada tahun 1914 sehingga tahun 1918.. Akhir sekali, pengkajii berharap agar kajian ini dapat dijadikan sebagai salah satu kontribusi yang kecil untuk menambahkan perbendaharaan ilmu berkaitan dengan kehebatan seseorang Khalifah yang memikirkan kemajuan dan ketamadunan manusia. Sekaligus menambahkan lagi ilmu pengetahuan kepada masyarakat yang membaca hasil kajian ini pada masa hadapan.

1.7 KAEDAH KAJIAN

Dalam aspek kaedah/metodologi kajian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah pencarian kepustakaan yang melibatkan pencarian maklumat di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, dan koleksi peribadi pengkaji.

Bukan itu sahaja, untuk melengkapkan kajian ini, pengkaji juga menggunakan sumber sekunder iaitu buku-buku, artikel, kajian-kajian, dan jurnal yang terdapat melalui simpanan ataupun koleksi peribadi pengkaji dan melalui akses Internet. Sumber-sumber sekunder ini juga amat bermanfaat dalam pencetusan idea pengkaji sepanjang penulisan ini dijalankan.

1.8 PEMBAHAGIAN KAJIAN

Dalam penulisan latihan ilmiah ini, terdapat lima bab yang penting ditetapkan oleh pengkaji untuk menjelaskannya dengan lebih terperinci. Dalam bab 1 ka menjelaskan berkenaan Pengenalan kepada kajian yang mengandungi pengenalan mengenai kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kaedah/metodologi kajian dan struktur kajian.

Bab kedua dalam penulisan ini akan menjelaskan berkaitan mengapa Turki Uthmaniyyah terlibat dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918 iaitu mengapa Turki Uthmaniyyah terlibat, aspek apa yang menyebabkan Turki ikut peperangan dan kepada siapakah Turki berpihak ketika itu.

Seterusnya, dalam bab 3 dan 4, kedua-dua bab ini pengkaji akan menjelaskan berkaitan kejayaan dan kegagalan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyyah semasa perang berlangsung daripada bermulanya perang pada tahun 1914 sehingga selepas perang pada tahun 1918. Dalam bab ini akan dijelaskan kejayaan yang diperoleh oleh Turki Uthmaniyyah pada awal peperangan, dan juga akan menjelaskan kegagalan yang dapat dikesan terhadap tindakan Turki Uthmaniyyah sewaktu dan selepas peperangan. Dalam bab 4, pengkaji akan menerangkan kesan-kesan yang wujud selepas Perang Dunia Pertama terhadap negara Turki dari segi dalaman dan luaran.

Akhir sekali adalah bab 5 iaitu bab kelima ini akan merumuskan semua mengenai dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji dalam penulisan ilmiah ini.

1.9 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Turki Uthmaniyyah merupakan empayar ataupun kerajaan yang terbesar dan terkuat pada zamannya. Kekuatan tersebut dapat dilihat melalui kepimpinan ataupun Khalifah yang mempertanggungjawabkan atas kemajuan terhadap sesebuah kerajaan. Dalam hal demikian, atas pengaruh agama yang kuat sejak dididik sejak kecil menjadikan seseorang itu terdedah dengan kebiasaan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Namun, pemimpin yang menggunakan kuasa untuk keperluan peribadi akan menghancurkan pemerintahannya. Perkara ini berlaku pada abad ke-17 hingga selepas Perang